



PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

FAQ UJIAN PENILAIAN SISTEM E-TAULIAH

1) Apakah ujian penilaian tauliah?

- Ujian penilaian adalah ujian yang perlu dilalui oleh setiap pemohon Baharu tauliah di Wilayah Persekutuan. Ujian ini dilaksanakan bagi melihat tahap pengetahuan pemohon dan juga menilai kompetensi calon pemohon tauliah di Wilayah Persekutuan.

2) Apakah Tatacara Ujian Penilaian ini?

- Ujian penilaian ini mempunyai 80 Soalan yang akan dibahagikan kepada **Bahagian A (60 Soalan)** dan **Bahagian B (20 Soalan)**
- Calon hendaklah menjawab kesemua soalan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.
- Calon yang lulus ujian penilaian ini Sahaja yang akan dipanggil ke sesi temuduga yang akan ditetapkan oleh pihak urusetia.
- Calon yang gagal ujian ini perlu menunggu 3 bulan (daripada masa Keputusan gagal) sebelum boleh memohon untuk mengambil semula ujian penilaian ini.

3) Apakah perkara yang dinilai pada Ujian Penilaian Tauliah ini?

- Setiap calon akan diuji kefahaman mengenai pengetahuan agama calon dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan fekah, akidah dan juga Al-Quran.